

DBKL kenal pasti reka bentuk tembok tebatan banjir

(19 SEPTEMBER 2022) BH, P19

Pembinaan bagi menggantikan penggunaan guni pasir tangani isu banjir kilat

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam proses mendapatkan reka bentuk yang sesuai bagi membina *flood wall* atau tembok tebatan banjir di lokasi tumpuan banjir kilat yang sudah dikenal pasti sekitar ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata pembinaan *flood wall* itu bertujuan menggantikan penggunaan guni pasir yang bertindak sebagai langkah sementara bagi menangani masalah banjir kilat di ibu kota.

"*Flood wall* itu perlu direka dengan betul dan teliti supaya dapat menghalang limpahan arus deras ketika hujan lebat sekali gus berfungsi untuk menyekat air (banjir) daripada keluar ke kawasan yang rendah.

"Namun, kita sudah pun melantik kontraktor yang berwibawa untuk membinanya selepas rekaan itu siap tidak lama lagi," katanya selepas melancarkan aplikasi Kuala Lumpur Sport, Event and Facilities (KLSPEF) di Dataran DBKL, semalam.

Pada masa sama, Mahadi berkata pihaknya dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta agensi terbabit dengan pengurusan mitigasi banjir akan mengadakan perbincangan lanjut sebagai persediaan menghadapi musim hujan.

"Kita akan bermesyuarat minggu ini bagi membincangkan lebih terperinci langkah lain yang sesuai untuk diambil berdasarkan data terkini daripada JPS sebagai usaha menangani jumlah taburan hujan yang tinggi pada akhir tahun," katanya.

Terdahulu, Mahadi dalam ucapannya, berkata aplikasi KLSPEF membolehkan warga kota membuat semua urusan tempahan dan pembayaran bagi 63 dewan serbaguna dan komp-



DBKL menempatkan benteng guni pasir bagi menghalang limpahan air Sungai Gombak ketika hujan lebat di Jalan Batu Bata, Kuala Lumpur.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

leks sukan di bawah seliaan DBKL secara dalam talian pada masa singkat.

Aplikasi memudahkan penduduk

Beliau berkata DBKL peka terhadap keperluan warga kota dan sentiasa berusaha menyediakan kelengkapan infrastruktur dan kemudahan awam yang mencukupi buat mereka.

"Sekiranya sebelum ini, tempahan bagi kemudahan dewan serbaguna dan kompleks sukan di ibu kota dibuat secara manual atau melalui laman web, kini

warga kota perlu membuat tempahan hanya di hujung jari menerusi aplikasi KLSPEF.

"Saya percaya aplikasi ini dapat memberi kemudahan kepada penduduk, sekali gus membantu memenuhi objektif DBKL menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya pintar menjelang 2025," katanya.

Aplikasi mudah alih ini dibangunkan dalam dua versi iaitu Android dan iOS, kini boleh dimuat turun daripada Playstore dan AppStore.

BERNAMA



Tembok konkrit pagar Masjid al Ehsan roboh akibat aliran arus deras anak sungai di Kampung Londang, Masjid Tanah, semalam.

(Foto Hassan Omar/BH)



Kediaman penduduk dimasuki air akibat hujan lebat melanda Kampung Segu, Rantau dan Kampung Sri Rusa, Port Dickson, semalam. (Foto ihsan APM)